

**SOALAN NO : 5 JAWAB BERSEKALI SOALAN NO 24 DAN 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA,PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]**

**TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah dasar-dasar kewangan jangka panjang dan perancangan Kementerian untuk membantu memulihkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dan industri yang telah terkesan teruk akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan semasa pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali soalan No. 24 dari Ipoh Timur dan soalan No. 42 dari Bukit Gelugor kerana isunya adalah sama. Penetapan dasar kewangan jangka panjang di peringkat pusat adalah terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan (MOF). Namun demikian, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) mempunyai dasar pembiayaan khusus dalam tempoh jangka panjang kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) melalui beberapa agensi di bawah MEDAC di antaranya:

**(i) SME Bank**

- Pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan nilai pembiayaan sehingga RM500 ribu;

**(ii) Bank Rakyat**

- Menyediakan pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan nilai pembiayaan sehingga RM1 juta;

## **SOALAN NO : 5 JAWAB BERSEKALI SOALAN NO 24 DAN 42**

### **(iii) Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)**

- Menyediakan pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan nilai pembiayaan minimum RM100 ribu dan maksimum RM10 juta.
  - Dalam masa yang sama, MEDAC juga akan turut memperkasakan program keupayaan dan pembangunan kapasiti serta latihan untuk usahawan terutamanya dalam meningkatkan keupayaan teknologi dan digitalisasi dalam operasi perniagaan.
  - Selain daripada itu, kementerian juga ada menyediakan kursus-kursus latihan untuk menjadi usahawan dan bukannya untuk makan gaji khususnya untuk golongan belia dan siswazah seperti program **JUMPER, PROTEGE** dan juga **TUBE**
  - Dalam masa yang sama, Kementerian akan memperkenalkan kajian skim Rent To Own dalam usaha untuk menambah bilangan aset kekal usahawan.
2. Seperti yang kita sedia maklum, **Dasar Keusahawanan Nasional** pula menggariskan sasaran jangka masa sederhana dan panjang untuk memastikan pencapaian aspirasi Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan menjelang 2030. Sasaran yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:
- I. Sumbangan PKS kepada KDNK daripada **37.4%** pada tahun **2018** kepada **45%** pada tahun **2025** dan **50%** menjelang **2030**
  - II. **Pekerjaan yang dijana oleh PKS** daripada **66.2%** pada tahun **2018** kepada **72%** pada tahun **2025** dan **80%** menjelang **2030**
  - III. **Sumbangan PKS kepada Nilai Eksport** daripada **17.5%** pada tahun **2018** kepada **25%** pada tahun **2025** dan **30%** menjelang **2030**
  - IV. **Sumbangan Perolehan Koperasi** daripada **RM40.3 billion** pada tahun **2018** kepada **RM50 billion** pada tahun **2025** dan **RM60 billion** menjelang **2030**

Sekian, terima kasih.